SPRM bekukan 750 akaun bernilai RM75j

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan 750 akaun dengan simpanan bernilai kira-kira RM75 juta hasil aktiviti pengubahan wang haram termasuk membabitkan akaun selebriti.

Agensi itu turut menyita 24 kenderaan mewah dan motosikal berkuasa tinggi milik beberapa daripada individu yang ditahan.

Sumber SPRM berkata, pihaknya juga menyita kediaman mewah milik pasangan suami isteri yang ditahan Jumaat lalu dan seorang suspek lain yang ditahan bersama-sama mereka.

"Siasatan terperinci masih dijalankan ke atas enam suspek yang masih ditahan selepas dua daripada mereka dibebaskan dengan jaminan SPRM petang tadi (kelmarin).

"Siasatan pada masa ini tertumpu kepada wang yang dilaburkan, selain mengesan individu lain yang turut terbabit serta dibayar untuk melindungi aktiviti berkenaan," katanya ketika dihubungi, malam kelmarin.

Sumber SPRM berkata, SPRM turut mengesan pegawai agensi keselamatan yang menerima bayaran bagi melindungi kegiatan pelaburan Macau Scam dan judi dalam talian yang dijalankan mereka.

BH sebelum ini melaporkan, dalang utama sindiket berkenaan dipercayai rakyat China, tetapi menggunakan ejen di Malaysia untuk menguruskan 'pelaburan' termasuk mencari perniagaan berpotensi sebagai platform membersihkan wang hasil penipuan.

Ejen sindiket akan mendekati selebriti tanah air dan menyatakan minat melabur dalam perniagaan atau menyuntik modal untuk selebriti berkenaan memulakan perniagaan.

Jumaat lalu, seorang selebriti bersama isterinya yang juga seorang artis dan seorang usahawan kosmetik dipanggil SPRM bagi membantu siasatan berhubung pengubahan wang haram.

Nasional

AADK tahan ibu dalam pantang disyaki ketagih dadah

Pasangan artis, usahawan selebriti beri keterangan

SPRM mungkin panggil beberapa individu lagi bantu siasatan

***Keratan akhbar BH** 3 Oktober lalu.*

> ***Siasatan pada masa ini tertumpu kepada wang yang dilaburkan, selain mengesan individu lain yang turut terbabit serta dibayar untuk melindungi aktiviti berkenaan.***
>
> ***Kenyataan SPRM***